



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
JANUARI 2023**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR) YANG MENANGGUNG  
JAWATAN KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**10 JANUARI 2023  
DEWAN SYARAHAN FORENSIK,  
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK  
IBUPEJABAT PETALING JAYA  
9.00 PAGI**

## **(Salutasi)**

*Bismillahirrahmanirrahim*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis
- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**
- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-engarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**

**Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia yang pertama bagi tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat Analisis Sains Forensik (PASF)** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

## TAHUN BARU 2023

### **Hadirin sekalian**

3. Ketibaan tahun baru 2023 ini kita sambut dengan penuh kesyukuran kerana kasih sayang Allah melebihi ikhtiar kita.
4. Sewajarnya kita bermuhasabah diri dengan pencapaian kita pada 2022.
5. Perhatikan dan jawab pekara berikut; Masa yang ada, Usaha, tenaga sebagai input hasil dan akhirnya, adakah kita menjadi lebih baik bagi melangkah ke tahun 2023.
6. Hasil penilaian tersebut, kita boleh dapati, apa kebaikan, apa kelebihan dan apa kekurangan yang kita boleh betulkan dan tambah baik pada tahun 2023.
7. Dengan itu kita akan lebih faham erti kejayaan dan boleh belajar dari kegagalan.

## PRESTASI PIAGAM

8. Kejayaan kita dalam mencapai sasaran *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan pada 2022 adalah amat membanggakan kecuali prestasi piagam kita agak merosot pada tahap 89.5%.
9. Saya mengucapkan **terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan** kepada **semua warga KIMIA Malaysia** dari Ibu pejabat dan seluruh Negeri dan Cawangan.
10. Usaha tersebut perlu diteruskan dan ditingkatkan lagi pada 2023.

## **IMBASAN 2022**

11. Tahun 2022 merupakan tahun yang ada ceritanya tersendiri.
12. Pelbagai kejayaan dan kecemerlangan yang telah kita capai secara peribadi mahupun dalam organisasi kita.
13. Pelbagai dugaan juga yang telah kita lalui COVID-19, bencana alam banjir dan tanah runtuh baru-baru ini di Batang Kali, Selangor.
14. Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat.
15. Saya mengucapkan **setinggi penghargaan dan terima kasih** kepada **Warga Bahagian DNA Forensik** yang telah terlibat membantu pihak berkuasa dalam pengenalpastian mangsa tersebut dalam tempoh yang diperlukan.
16. Saya menyeru agar kita semua sentiasa bersiap siaga dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh dan demi kesejahteraan rakyat.
17. Perubahan tahun sewajarnya kita perlu berubah menjadi lebih baik.
18. Janganlah berasa berasa diri sudah cukup baik malah kita hendaklah sentiasa mempunyai keinginan bagi meningkatkan diri untuk persiapan sebarang ketidaktentuan dimasa akan datang.

19. Kita hendaklah fokus kepada perancangan yang telah digariskan dimana tanggungjawab utama kita dalam memberi perkhidmatan saintifik dan pelaksanaan perancangan pelan strategik bagi tahun 2023.
20. Kita hendaklah membuat perancangan dan usahakan perancangan tersebut disamping sentiasa berdoa agar usaha kita berhasil.
21. Dikesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **“Selamat Tahun Baru”** kepada semua warga kerja Jabatan Kimia Malaysia.
22. Semoga dengan kedatangan tahun baru ini akan dapat menyuntik azam baru di hati sanubari kita semua untuk memberikan khidmat bakti yang berkualiti tinggi serta mencapai tahap kepuasan pelanggan yang membanggakan dengan lebih bersemangat lagi.
23. Kita juga hendaklah sentiasa patuh pada kod dan etika kerja penjawat awam yang sentiasa komited berdedikasi berintegriti dan cemerlang.
24. Berita gembira untuk warga **KIMIA Bintulu kerana projek Kuarters Bintulu** telah **DILULUSKAN** pada tahun ini.

**UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN YB MENTERI DAN YB  
TIMBALAN MENTERI**

25. Dikesempatan ini juga, saya mewakili pihak Jabatan Kimia Malaysia ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada mantan Menteri dan Timbalan Menteri MOSTI iaitu **YBhg. Datuk Seri Dr Adham Baba dan YBhg. Datuk**

**Ahmad Amzad bin Hashim, mantan Menteri dan Timbalan Menteri MOSTI** kerana telah menyumbangkan tenaga dan khidmat bakti mereka dalam memaju dan memperkasakan MOSTI.

## **UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA YB MENTERI DAN YB TIMBALAN**

### **MENTERI BAHARU**

26. Disamping itu juga, saya bagi pihak KIMIA Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat datang kepada **Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang** dan **Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup**, Menteri dan Timbalan Menteri MOSTI yang baharu.
27. Semoga MOSTI akan terus cemerlang di masa hadapan.
28. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri MOSTI, atas kesudian YB melawat Ibu Pejabat KIMIA Malaysia pada 5 Januari yang lalu.
29. Dan pastinya terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan program tersebut berjalan dengan lancar iaitu Unit Komunikasi Korporat, Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan seluruh warga kimia yang terlibat.

## **PENUTUP**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

30. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Lahir** kepada semua **warga kerja KIMIA Malaysia** yang menyambut hari kelahiran pada bulan **Januari**.
31. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
32. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----